

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT  
MERTAJAM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Laporan Inkiri 2013 mengenai Hak-Hak Orang Asli, dan cara penyelesaian masalah isu tanah Orang Asli memandang JAKOA merupakan jabatan di peringkat Persekutuan dan Tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

## **JAWAPAN**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

Pasukan Petugas Khas Mengkaji Laporan Inkuiiri Nasional Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli yang diketuai oleh Presiden Institut Integriti Malaysia telah mengkaji syor Laporan Inkuiiri SUHAKAM 2013 dengan beberapa rumusan tindakan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sebagai penyelesaian kepada isu hak-hak Orang Asli.

Jemaah Menteri (JM) pada 3 Jun 2015 telah bersetuju dengan 17 daripada 18 syor yang dikemukakan Laporan Inkuiiri Nasional SUHAKAM Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli dan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli (JKKHTOA) telah ditubuhkan serta dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Mesyuarat JKKKHTOA pada 2016 melibatkan penyertaan dan kerjasama kementerian, jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri berhubung dengan pelaksanaan cadangan Pasukan Petugas tersebut.

Perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentuk akan diselaraskan supaya pendekatan yang lebih holistik dapat dibuat untuk melindungi hak tanah orang asli. Kerajaan Persekutuan sentiasa bertindak bersama Kerajaan Negeri dalam isu tanah Orang Asli berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.